




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 50 RABU 15 DISEMBER 1971. 1391 رابو 26 شوال PERCHUMA

KONGRES AGONG MAJLIS BELIA2 PADA 1HB. JAN.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan mengadakan Kongres Agong Tahunannya pada 1hb. Januari, 1972 bertempat di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan, mulai pukul 8.00 pagi.

Sa-orang juruchakap Majlis Belia2 meminta semua persatuan2 belia di-negeri ini supaya menghantarkan enam orang wakil dari tiap2 persatuan untuk menghadiri kongres tersebut.

Juruchakap itu juga meminta persatuan2 belia supaya menghantar sa-ramai 14 orang ahli dari tiap2 persatuan untuk menghadiri pembukaan rasmi kongres itu.

Nama2 mereka mesti-lah di-hantar kepada Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei. Awang Yakub bin Ahmad tidak lewat dari hari ini, 15 Disember, 1971.



KETUA Turus Agong Angkatan Bersenjata British, General Sir Michael Carver sedang menyematkan pingat perkhidmatan lama dan kelakuan baik kepada Pegawai Waran, Awang Mohammad Jaafar dari Askar Melayu Diraja Brunei.

Upacara penyampaian pingat tersebut telah berlangsung di-perkemahan Berakas apabila general itu melawat Askar Melayu Diraja Brunei pada minggu lalu.

Di-upacara itu, General Carver juga telah menyampaian pingat yang sama kepada Pegawai Waran W.H. Bell.

Pengetua Ugama puji J/K penganjor kempen kebersehan mesjid

PEKAN TUTONG. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin telah memuji anggota2 jawatankuasa mesjid di-Daerah Tutong kerana menyambut baik seruan Jabatan itu untuk menjalankan kempen bagi menjaga kebersehan mesjid2 di-Daerah itu.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu telah berkata kata demikian di-upacara penyampaian hadiah2 kempen kebersehan mesjid2 di-dewan Mesjid Hassanah Bolkiah Pekan Tutong pagi semalam.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu berkata ini-lah pertama kali kempen seperti itu pernah di-adakan di-Daerah Tutong dan beliau berharap akan banyak lagi mesjid2 lain di-negeri ini akan mengikut kempen kebersehan seperti itu.

Yang Berhormat itu juga menyentuh mengenai tanah2 perkuburan orang Islam di-kampung2 yang sa-bahagian daripada-nya maseh belum lagi di-istiharkan sa-bagai tanah perkuburan rasmi oleh pihak yang berkenaan.

Beliau berharap supaya tanah2 perkuburan orang2 Islam itu akan dapat di-istiharkan dan di-isikan dalam warta kerajaan bagi menentukan sempadan tanah2 perkuburan itu.

Terdahulu sa-belum itu Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah menyeru pegawai2 kerajaan di-Daerah itu supaya menjadikan diri mereka chuntoh kepada orang2 kampung untuk mengunjongi mesjid2 tempat beribadat.

Tawaran membuat chawan tanda kenangan keberangkatan Baginda Queen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tawaran2 ada-lah di-jemput bagi membuat chawan (mug) tanda-kenangan atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.

Dalam chawan tanda-kenangan itu hendak-lah di-buboh dengan gambar berwarna wajah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II dan wajah Duli Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh.

Sa-lain dari gambar2 wajah kedua2-nya itu, hendak-lah juga di-buboh dengan perkataan "keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei, 29hb. Februari, 1972."

Mug atau chawan tanda-kenangan itu hendak-lah di-perbuat dari porcelain atau china.

Mug tersebut hendak-lah di-siapkan dan di-terima oleh, serta memuaskan jawatankuasa tidak lewat dari 29hb. Februari, 1972 atau pada suatu tarikh yang akan di-tetapkan jika terkemudian dari tarikh tersebut.

Bilangan yang di-kehendaki untuk mengadakan chawan tanda-kenangan itu ia-lah sebanyak 47,000 biji.

Jawatankuasa tidak terikat bagi memilih sa-barang tawar (Lihat Muka 8)



SATU majlis penyampaian sijil2 kepada lebih dari 400 orang pekerja2 banchi penduduk 1971 telah di-adakan di-Pusat Belia pada minggu lalu. Sijil2 tersebut telah di-sampaikan oleh Penasehat Banchi dari Bangsa2 Bersatu, Dr. B.H. Bhante (gambar atas).



Gambar kiri: Pemerintah Askar Melayu Diraja, Colonel Dato Paduka B.F.L. Rooney sedang menyampaikan piala kepada rekrut Nordin bin Timbang, yang telah di-pilih sa-bagai rekrut terbaik dan penembak terbaik sa-masa menjalani latihan. Sementara gambar kanan menunjukkan Col. Dato Paduka Rooney ketika menyampaikan ucapan di-upacara perbarisan tamat latihan bagi 37 orang rekrut baru AMDB pada hari Jumaat lepas.

Rekrut2 di-nasehatkan supaya ta'at setia kapada D. Y. M. M.

BERAKAS. — Pemerintah baru Askar Melayu Diraja Brunei, Colonel Dato Paduka B.F.L. Rooney telah menasehatkan rekrut2 supaya ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Kerajaan baginda.

Colonel Dato Rooney telah berucap di-upacara perbarisan tamat latihan bagi tiga puluh tujuh orang rekrut dipadang perbarisan pasukan itu di-Perkhemahan Bolkiah di-Jalan Berakas pada minggu lalu.

Beliau juga telah memberitahu rekrut2 itu supaya memelihara taraf yang tinggi yang ujud dalam pasukan itu.

Colonel Dato Paduka Rooney berkata, beliau tertarek hati oleh mutu perbarisan yang tinggi dan kejayaan yang di-chapai oleh rekrut2 itu.

Colonel Dato Rooney juga telah menyampaikan hadiah2 kapada rekrut2 yang terbaik penembak yang terbaik dan rekrut yang terbaik dalam latihan jasmani.

Hadiah2 bagi rekrut yang terbaik dan penembak yang terbaik bagi senapang rifle jenis M16 telah di-menangi oleh Rekrut Nordin bin Timbang.

Hadiah bagi penembak yang terbaik bagi machine gun rangen telah di-menangi oleh Rekrut Awangku Mohammed bin Pengiran Luba.

Hadiah bagi rekrut yang terbaik dalam latihan jasmani telah di-menangi oleh Rekrut Jaya bin Othman.

Penuntut2 Ugama berchuti di-tanah ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang penuntut Brunei dari Kolej Islam, Klang telah pulang ka-tanah ayer dengan kapal terbang kerana chuti persekolahan.

Mereka ia-lah Awang Yusof bin Ismail, Awang Sarbini bin Haji Mohamed Tahir, Dayang Gandi binte Duraman, Dayang Nor binte Mahadi dan Pengiran Anak Masnah binte Pengiran Muda Saifuddin.

Ketibaan mereka di-lapangan terbang telah di-sambut oleh ibu bapa serta sahabat handai.

SATU rombongan penghulu2, ketua2 kampung dan tuai2 rumah panjang di-Daerah Belait telah melawat ka-kolam pemeliharaan ikan di-Sungai Jamba pada minggu lalu.

Gambar bawah menunjukkan Merinyu Perikanan, Awang Jusif bin Abu Bakar (kiri sekali) sedang menerangkan sa-suatu kapada penghulu, ketua kampung dan tuai2 rumah panjang tersebut apabila rombongan itu berada di-salah sa-buah kolam ikan.



Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari bakal2 haji itu ketika menaiki kapal terbang di-lapangan terbang Berakas.

78 orang bakal haji berlepas ka-Mekah

BERAKAS. — Sa-ramai tujuh puluh lapan orang bakal Haji telah berlepas dengan kapal-terbang ka-Singapura dalam perjalanan mereka ka-Mekah untuk menunaikan fardzu Haji pada hari Jumaat lepas.

Bakal2 haji itu berlepas dalam dua penerbangan yang berasingan. Penerbangan pertama yang membawa sa-ramai 36 orang telah berlepas pada sebelah pagi dan penerbangan kedua yang mengandungi 42 orang bakal haji telah bertolak dari lapangan terbang Berakas pada sebelah tengah hari.

Dari Singapura bakal2 haji itu akan menaiki kapal haji Malaysia Baru ka-Jeddah.

Mereka telah selamat belayar dari Singapura ka-Jeddah dengan kapal laut Malaysia Baru pada 12 Disember.

Sementara itu sa-ramai 159 orang lagi bakal2 Haji Brunei

yang pergi dengan kapal terbang akan bertolak ka-Singapura pada 27 dan 28 Disember ini.

Bakal2 haji itu akan pergi dalam tiga penerbangan dari Lapangan Terbang Berakas ka-Singapura pada 27 Disember dan satu penerbangan pada 28 Disember. Mereka akan bertolak dari Singapura ka-Jeddah pada 28 Disember.


Di-tudoh memileki ganja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rahmat bin Adnan telah di-hadapkan ka-mahkamah Bandar Seri Begawan atas tuduhan menghisap dan memileki ganja.

Tuduhan pertama ia-lah pada 10 Disember, 1971 di-Bandar Seri Begawan beliau telah di-dapati menghisap ganja, dan bagi satu tuduhan yang lain ia telah di-dapati memileki 32 batang ganja sa-chara haram.

Kes itu telah di-tangguhkan hingga 21 Disember.

Rahmat telah di-tahan di-Penjara Jerudong.





KHUTBAH JUMA'AT

NEGARA MEMERLUKAN ORANG2 YANG BERJIWA BESAR



Gambar atas menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika menandatangani Pindaan Perjanjian 1959 yang berlangsung di-Lapau Bandar Seri Begawan pada 23hb. Nobember yang lalu. Dalam Istiadat menandatangani Pindaan Perjanjian itu, Kerajaan British telah di-wakil oleh Tuan Anthony Royle.

RASA wajib atau rasa berkewajipan yang diperintah oleh jiwa sendiri ada-lah alat pendorong untuk melaksanakan sa-suatu pekerjaan. Manusia yang merasa ada kewajipan untuk berbuat ini dan meninggalkan itu akan tidak merasa senang dan puas hati kalau kewajipan itu tidak dapat dan belum dapat dilakukan. Perasaan demikian ini menandakan akan ada-nya peribadi dan chita2 yang tinggi.

Perasaan ini perlu-lah ada dan di-tanamkan kepada sa-tiapa raayat dan penduduk serta mereka yang terlibat bagi memikul amanah pada mentadbirkan negeri ini. Hal ini lebeh2 di-perlukan berikutan dengan ada-nya perkembangan baru yang timbul dari ujud-nya pindaan ka-atas perjanjian 1959 yang telah di-tandatangani baru2 ini. Di-bawah perjanjian yang di-pinda itu Negeri Brunei ada-lah menekmati bekerja sendiri yang sa-penoh-nya dalam negeri termasuk tanggong-jawab terhadap keamanan awam.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah pun pernah menegaskan dalam titah baginda di-Istiadat Menandatangani Perjanjian tersebut bahawa memang sudah teradat yang sa-suatu perjanjian atau pindaan kepada perjanjian seperti yang baru bahawa sempurna di-tandatangani itu akan di-ikuti oleh beberapa perubahan dalam kehidupan dan sistem sa-sebuah negeri. Perubahan2 itu merupakan penambahan tanggong-jawab kepada satu pehak dan kurang-nya kewajipan pehak yang lain.

Apa yang sangat penting

**"Tugas2 kita
ia-lah
melaksanakan
tanggong-jawab2
yang telah,
sedang dan akan
di-pertanggong-
jawabkan"**

kita sedari sekarang ia-lah masalah yang bersangkutan dengan tanggong-jawab kita bagi mengisi kehendak2 yang timbul dan di-timbulkan oleh perkembangan baru itu. Salah satu tugas besar itu yang perlu di-pikul ia-lah melaksanakan tanggong-jawab2 yang telah, sedang dan akan di-pertanggong-jawabkan kepada kita. Pelaksanaan tersebut hendak-lah di-dahului dengan rasa wajib mendorong diri bekerja terus dan lurus dan memaksa bersikap menjaga tertib diri serta memeriksa kekurangan diri, kemudian sa-telah pekerjaan yang di-lakukan dengan perintah rasa wajib habis selesai, maka rasa senang dan dan puas, rasa gembira dan suka timbul-lah dengan sendiri-nya.

Bagi memohon kehendak2 yang timbul dari suasana perkembangan baru ini, negara kita sangat2 memerlukan orang2 yang berjiwa besar, bersehat dan rasa tanggong-jawab ingin berbakti dan berjasa kepada negara ini. Sa'at Zaglul Basha pernah berkata:

"Aku sa-orang lelaki, diriku dan fikiranku, kepandaianku dan lidahku telah ku serahkan kepada bangsaku, kalau itu di-terima ia-itu oleh bangsaku puas-lah rasa hatiku, kalau tidak, tidak perlu akan sesal, kerana yang ku kerjakan itu ia-lah kewajipan yang di-perintahkan oleh hati dan aku telah menunaikan-nya".

Oleh yang demikian marilah kita menanamkan rasa wajib atau rasa berkewajipan bagi melaksanakan segala tugas2 dan amanah yang di-pikulkan kepada kita atau yang perlu kita pikul demi untuk mengisi kehendak2 yang timbul dari perkembangan baru negeri kita, terutama sekali menumpukan ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan kerajaan baginda serta mengekalkan keamanan dan ketenteraman dan menambahkan lagi lagi kemakmoran negara kita.

Pendaftaran bagi memasoki kelas2 dewasa

PENDAFTARAN bagi memasoki kelas Pelajaran Dewasa anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei bagi tahun 1972 yang bermula dari 9 Disember akan di-teruskan hingga 23 Disember ini.

Pendaftaran akan di-terima pada tiap2 hari sekolah dibuka dari jam 5.00 petang hingga 6.00 petang di-pusat2 yang telah di-tetapkan.

Borang2 permohonan boleh-lah di-dapat dari penyelia2 atau guru2 yang berkenaan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15 Disember, 1971 hingga ka-hari Selasa 21 Disember, 1971 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit Matahari
15 Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01 6-19
16 Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04 6-22
17 Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04 6-22
18 Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04 6-22
19 Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04 6-22
20 Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04 6-22
21 Dis.	12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07 6-25

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tenga hhari.

133 orang penuntut dewasa Ugama terima sijil

SERIA: Sa-ramai 133 orang penuntut kelas2 pelajaran dewasa ugama telah menerima sijil2 mereka kerana lulus peperiksaan peringkat rendah tiga.

Penuntut2 itu 82 orang perempuan dan 51 orang lelaki

telah lulus peperiksaan mereka dalam tahun 1968, 1969, dan 1970.

Mereka menerima sijil2 mereka dari Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama

Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin dan Nadzir Kelas2 Dewasa Ugama dan Quran, Dayangku Salmah binte Pengiran Haji Ismail di-satu upacara yang telah di-adakan di-dewan Sekolah Melayu Mohamed Alam di-Seria baru2 ini.

PELITA BRUNEI

(15hb. Disember, 1971)

KEMALANGAN JALAN RAYA

DALAM awal Disember yang baru lalu ini, tiga kemalangan jalan raya telah berlaku yang menyebabkan empat orang telah terkorban termasuk dua orang yang masih muda remaja.

Korban pertama telah berlaku di-Jalan Tutong pada hari Sabtu, sementara pada hari Ahad yang baru lalu tiga jiwa telah melayang, sa-orang di-Gadong dan dua orang di-Jalan Pasir Berakas.

Mendengar berita yang mengorbankan nyawa itu semua orang merasa sedih, terutama sekali di-kalangan keluarga2 yang berkenaan dengan si-mati. Ratapan dan tangisan di-antara keluarga2 mangsa akibat kemalangan itu adalah lebih menyayukan, walau pun telah di-katakan bahawa yang pergi itu tetap pergi.

Takdir Tohan memang tidak dapat di-elakkan dan kalau sudah jua akan pulang ka-rahmah-matullahi-taala itu, kita akan menyahut panggilan-nya juga walau dimana kita berada. Dan, kejadian2 yang mengerikan itu di-katakan "hanya menjadi asbab saja".

Tetapi peristiwa sedih yang meragut empat nyawa itu sebenarnya telah meninggalkan kesan2 yang agak mendalam di-kalangan keluarga2 yang berkenaan terutama yang meninggalkan anak-pinak yang ramai. Dan yang lebih sedih lagi kita rasakan ia-lah kematian dua beranak di-Jalan Berakas itu.

Sekarang ingin kita timbulkan untuk menarik perhatian kepada pemandu2 di-negeri ini sama ada pemandu2 kereta mahupun lor2 yang kadang-kala terlupe akan peraturan dan tata-tertip ketika memandu di-jalan raya.

Apakah kesedihan yang di-rasakan oleh keluarga2 si-mati itu dapat menggamit perasaan kemanusiaan sa-sama kita dan dapat memberikan keinsafan kepada pemandu2?

Memang malang tidak berbau dan kemalangan jalan raya sukar untuk di-bersihkan, tetapi tidak mustahil pula untuk dapat di-kurangkan jika sa-tiap pemandu di-negeri ini mematuhi dan mematuhi akan peraturan2 lalu-lintas dan menyipkan diri mereka dengan sa-beberapa berhati-hati yang mungkin.

Sa-tiap pemandu, sa-belum memulki lesen2 memandu telah di-beri penerangan2 yang cukup tentang tata-tertip di-jalan raya dan peperiksaan2 untuk mereka telah di-lakukan dengan cermat sa-belum mereka memulki lesen2 memandu itu. Tetapi sa-lubagian dari mereka sering kali terlupe akan peraturan2 itu. Tabiat sa-tumanya ini adalah membahayakan yang bukan hanya diri mereka, tetapi juga diri orang lain yang sama2 mempunyai hak di-jalan raya.

Demi untuk mengelakkan berlakunya kezamantan2 kemalangan di-jalan raya, maka adalah di-serikan kepada seluruh pemandu2 dan kuar2 pengguna jalan raya supaya berbuat2 ketika berada di-jalan raya dan hendaklah hormat menghormati antara satu sama lain serta mematuhi segala peraturan2 lalu-lintas.



Beberapa petak2 padi yang kelihatan dalam gambar ini ia-lah di-antara 381 jenis padi yang di-chuba untuk di-selidiki sama ada ia-nya sesuai untuk di-tanam di-negeri ini. Penyelidikan ka-rasat tanaman ini telah di-lakukan dengan sa-baik2-nya bagi menajuhkan serangan musuh dan penyakit dengan semboran2 ubat.



Penolong Pegawai Pertanian, Awang A.G. Ange yang bertugas di-Pusat Pertanian Kilanas sedang memeriksa keadaan salah satu jenis padi yang di-tanam di-pusat itu. Beliau menyatakan bahawa keadaan tanaman itu adalah memuaskan.

PENYELIDEKAN PENANAMAN DELAPAN JENIS PADI YANG BERBEZA

DENGAN ada-nya sa-orang pakar dan pemandu2 penyelidik di-Jabatan Pertanian, penyelidikan sa-atas padi sedang di-selenggarakan tahun ini.

Bagi musim padi tahun 1971-1972 ini lagi jenis padi yang berbeza telah di-tanam di-Pusat Perchubuan Kilanas.

Padi2 perchubuan itu ia-lah empat jenis yang lambat mengeluarkan padi dan empat jenis lagi yang cepat berbuah. Bagi padi yang lambat berbuah itu, dua jenis telah di-tanam di-kawasan yang mengandungi tanah liat dan sa jenis lagi di-kawasan tanah gembor bekas di-bakar.

Satu daripada kawasan tanah gembor ia telah di-buboh dengan baja yang cukup.

Jenis2 padi itu ia-lah Seraup 50 dan Red China dari Malaya, F.B 21 dari Kolej Pertanian Filipina, Lethagat dari India serta Pusu Paya dan Langsat Kuning yang ditempatkan. Padi2 jenis ini telah di-pilih dari "bahagian terpilih" dari musim padi tahun lepas.

Kumpulan kedua padi jenis perchubuan yang cepat berbuah itu juga sama di-ushukan taperti padi2 jenis lambat berbuah itu. Jenis2 itu ia-lah Si-Gadis dari Indesia, Bahagia yang di-pilih dari jenis IR-5 dari Malaya, 4/407/607/RD, 191/404/RD, 286/472/677/C-4-63 dan 9333, IR-661

kesemua-nya dari Maktab Penyelidikan Padi Antarabangsa, Los Baños Laguna, Filipina.

Tujuan mengadakan perchubuan2 ini ia-lah untuk mengetahui padi jenis mana yang akan mendatangkan banyak hasil serta beresuaian dengan keadaan tanah liat dan tanah gembor Brunei dengan atau tanpa di-buboh baja.

Bentuk penyelidikan padi yang kedua ia-lah "Penanaman bagi Bahagian Terpilih". Sa-banyak tiga ratus lapan puluh satu jenis padi telah di-kumpul oleh kaki-tangan tambahan dan telah di-tanam di-Pusat Pertanian Kilanas. Padi2 itu ia-lah 76 jenis dari Tutong, 58 dari Belait, 76 dari Brunei/Muara dan 171 dari Temburong.

Tujuan di-adakan perchubuan tersebut ia-lah untuk mengetahui jenis2 padi yang mana boleh tahan dari di-serang oleh serangga2 dan penyakit2 tumbuhan, boleh hidup dalam keadaan tanah gembor yang mengandungi banyak A1, besi, mg, dan bagi mengetahui jenis mana yang akan mendatangkan banyak hasil.

Beberapa tanaman padi perchubuan jenis IRR1 yang baru di-perokhi sedang di-laksanakan untuk mengetahui akan kesesuaian-nya kepada keadaan tanah dan iklim Negeri Brunei.



Pekerja di-Pusat Pertanian Kilanas ini sedang menyebarkan racun serangga yang bernama "agroide" ke-rasat jenis2 padi yang menjadi bahan penyelidikan itu yang sedang tumbuh dengan subur-nya.



Pekerja2 di-Pusat Pertanian Kilanas kelihatan sedang menanam padi jenis Malinja sa-bagai penanaman yang terakhir untuk mendapatkan hasil.

Perchubuan penanaman padi dari jenis2 di-antara 381 jenis padi yang di-jadikan penyelidikan itu telah di-tanam dengan cara berpetak2. Kawalan dari di-serang oleh serangga atau musuh2 padi yang lain telah juga di-jalankan dengan baik-nya. Kelihatan gambar kiri, sa-orang pekerja menyebarkan ubat jenis "Aminex 80" dengan sukatan champonan 2 ounce ubat tersebut dan di-banchoh dengan 4 g-lin ayer.

Orang2 kampung yang inginkan pertolongan dari Jabatan Pertanian sedulasa membawa petongan pokok2 padi yang di-serang oleh berbagai2 musuh dan penyakit. Mereka meminta nasihat untuk menajuhkan tanaman padi mereka dari serangan itu. Gambar atas menunjukkan Awang Agne sedang memeriksa keadaan pokok2 padi dari orang2 kampung itu yang di-kirinkan ka-Pusat Pertanian Kilanas melalui pemandu kenderaan Jabatan Pertanian Awang Haji Dagang bin Timbang (berdiri).



141 ORANG MURID DARI TIGA DAERAH MENERIMA HADIAH DARI B.S.P.

PEKAN TUTONG. — Sa-ramai 68 orang penuntut dari 33 buah sekolah rendah dan menengah aliran Melayu dan Inggeris, Tutong Satu dan Tutong Dua, telah menerima hadiah mereka di-Sekolah Inggeris Kerajaan Tutong pada minggu lalu.

Hadiah tahunan yang berupa satu set pen itu, di-berikan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad bagi tahun 1970, kepada murid2 terbaik dalam sekolah masing2 di-negeri ini.



Awang G.C. Harper sedang menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang penerima di-Daerah Belait.

Awang Cheah Tet Kheam, Pegawai Perhubungan Raya dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, sa-belum menyampaikan hadiah2 itu berkata, hadiah tahunan kepada murid2 terbaik, ada-lah satu bakti, bahawa Sharikat Minyak Shell menyokong usaha2 Kerajaan dalam bidang memajukan pelajaran di-negeri ini.

Awang Haji Hashim bin Haji Tahir, bagi pihak Jabatan

Pelajaran dalam ucapan-nya, telah mengucapkan terima kasih kepada Sharikat Minyak Shell, atas sumbangan hadiah2 dan bantuan2 lain kepada penuntut2 di-negeri ini.

Beliau berkata, sumbangan2 serupa itu, merupakan salah satu dorongan dan titek permulaan bagi murid2 itu akan terus berjaya.

Awang Haji Hashim menyeru kepada semua penuntut2, supaya bersungguh2 menuntut ilmu pengetahuan bagi menjamin kehidupan mereka dimasa akan datang.

Pengerusi majlis Awang C.H. Gallop, juga turut berucap di-majlis tersebut.

Sa-ramai 57 orang murid dari 26 buah sekolah rendah dan menengah di-Daerah Belait, juga telah menerima hadiah2 tersebut di-Dewan Kemasyarakatan, Kuala Belait pada hari Rabu lepas.

Hadiah2 tersebut di-sampaikan oleh Penasehat Perhubungan Perdagangan Sharikat Minyak Shell Berhad, Awang G.C. Harper.

Awang Harper juga telah menyampaikan hadiah yang serupa kepada 36 orang murid dari 16 buah sekolah rendah dan menengah di-Daerah Temburong.

Majlis penyampaian hadiah itu telah berlangsung di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar pada hari Khamis lepas.

Satu perlawanan badminton sa-chara persahabatan antara pasukan Penampang, Sabah dengan pasukan Bandar Seri Begawan telah di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada hari Khamis minggu lalu.

Perlawanan tersebut telah dimenangi oleh pasukan pelawat dengan 4 perlawanan berbalas satu.

Gambar bawah menunjukkan salah satu perlawanan bergu sedang di-jalankan.



Gambar atas menunjukkan Awang Cheah Tet Kheam sedang menyampaikan hadiah BSP kepada salah sa-orang penuntut lelaki di-Daerah Tutong. Sementara gambar bawah: sa-bahagian dari murid2 di-Daerah Tutong yang mendapat hadiah dari BSP bagi tahun 1970 menunggu giliran mereka untuk menerima hadiah tersebut.



Malam Pesta Aidil Fitri anjaran K.P.K.P.K.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesatuan Perkhidmatan Kerani2 dan Peon2 Kerajaan Brunei bahagian kesenian dan kebudayaan, akan mengadakan Malam Pesta Aidil Fitri di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Seri Begawan pada 25 dan 26 Disember.

Ia-nya di-adakan bersempena dengan Hari Raya Aidil

Fitri dan untuk mengutip derma bagi tabong kewangan kesatuan itu.


Antara achara yang akan dipersembahkan termasuk peraduan2 menyanyi dan kugiran2 tempatan.

Peserta2 peraduan kugiran di-kehendaki membawa dua buah lagu tanpa nyanyian dan dua buah lagu lagi, yang dinyanyikan oleh penyanyi2 kugiran yang mengambil bahagian.

Peraduan nyanyian ada-lah terbuka kepada orang ramai dan tiap peserta-nya menyanyikan sa-buah lagi pilehan sendiri.

Boorang2 permohonan untuk menyertai peraduan itu boleh di-dapati dari Setia Usaha Malam Pesta Aidil Fitri, Pengiran Jambol bin Pengiran Haji Sulaiman — Jabatan Talikom:

(Lihat Muka 7)



Lumba jalan kaki anjonan Kelab Lions

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlumbaan berjalan kaki terbuka kepada orang persaoangan dan berpasokan di-negeri ini akan di-adakan pada 30 Januari hadapan.

Perlumbaan tersebut anjonkan oleh Kelab Lions Brunei.

Perlumbaan itu terbahagi kepada tiga, ia-itu bahagian lelaki, wanita dan berpasokan.

Bahagian lelaki terbahagi kepada tiga kumpulan ia-itu "junior — peserta yang berumur 16 tahun ke-bawah, "senior" bagi peserta yang berumur 16 tahun ke-atas dan "veteran" — yang berumur 40 ke-atas.

Peserta wanita akan berjalan sa-jauh 5 batu, sementara acara berpasokan ia-lah sa-jauh 13 batu.

Tiap2 pasokan hendak-lah mengandungi sa-ramai 10 orang, dan pertubohan2 boleh menghantarkan lebih dari satu pasokan.

Sa-orang peserta di-kenakan bayaran-masok s a - banyak \$1.00.

Nama, alamat, umur di-ser-takan wang bayaran-masok hendak-lah di-sampaikan kepada Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Chuchu di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan; Awang Vincent Pang di-alamatkan Borneo Travel Service, Bandar Seri Begawan; Pengiran Sulaiman bin Pengiran Buntar di-alamatkan Jabatan Penchin Kuala Belait atau kepada Haji Ahim bin Haji Ibrahim Jabatan Penyiaran dan Penerangan Tutong tidak lewat dari 10 Janurai tahun 1972.

Malam Pesta Aidil Fitri

(Dari Muka 6)

Dayang Norrimah binte Abdullah — Pejabat Besar Pos; Sheikh Kadir bin Sheikh Yahya — Jabatan Kastam dan dari Awang Syed bin Yusof — Pejabat Perjawatan, Bandar Seri

Begawan.

Semua borang permohonan itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 18 Disember. Semantara itu tiket2 menyaksikan peraduan itu akan mula di-jual pada 19 Disember.



SA-KUMPULAN lima belas orang sarjan dan Koprul pulis yang menjalani satu kursus ulang-kaji di-Pusat Latehan Polis Jalan Muara telah melawat ka-steshen

pertanian Luahan baru2 ini.

Gambar atas menunjukkan rombongan itu sedang di-beri penerangan oleh Pembantu Pertanian, Awang Tamit bin Meramit.

BELIA2 BERAKAS AKAN MELAWAT LABUAN

BERAKAS. — Sa-ramai enam puluh orang belia dari persatuan2 belia di-Berakas akan melawat Labuan pada 25 Disember.

Persatuan2 itu ia-lah Persatuan Kebajikan Kampong Lambak, Persatuan Ikatan Belia Berakas, Persatuan Perpindahan Kampong Ayer dan Persatuan Angkatan Kampong Burong Pinggai Berakas.

Semasa berada di-Labuan mereka akan mengadakan perlawanan bola sepak, badminton dan sepak takraw sa-chara persahabatan dengan Pergerakan Pemuda Usno Labuan.

Belia2 itu juga akan mengadakan persembahan kesenian dan kebudayaan.

Persembahan itu akan di-adakan di-Dewan Kemesarakatan, Labuan pada 25 dan 26 Disember mulai pukul 8.00 malam.

Setiausaha rombongan itu, Awang Abdul Rahim Wali berkata, mereka yang telah dipilih untuk turut serta dalam lawatan itu ada-lah di-minta supaya menyerahkan paspot mereka kepada Awangku Yahya bin Pengiran Hashim, Kampong Anggerek Desa.

Latehan menembak

PASOKAN ke-enam Queen Elizabeth's Own Goorkha Rifles sedang menjalankan latehan tentera dengan menggunakan peluru hidup di-kawasan2 antara Ulu Sungai Lumut dan Selatan Sungai Mau.

Latehan yang bermula pada 6 Disember itu akan di-teruskan sehingga 23 Disember.

Dalam masa latehan itu di-adakan, jalan masuk ka-kawasan itu akan di-tanda dengan bendera merah serta satu papan peringatan memberi amaran kepada penduduk2 kampong itu tentang bahaya memasoki kawasan latehan itu.

JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Penjaga Palong Ikan

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Penjaga Palong Ikan di-Jabatan Perikanan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 hendak-lah lulus sa-kurang2-nya Form II, mestilah mempunyai sedikit pengetahuan dalam bahasa Inggeris dan mempunyai pengalaman dalam bidang memelihara ikan dalam palong.

Tugas2:


Membuat semua kerja2 yang berhubung dengan memelihara ikan dan menjaga tangki2 ikan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji El-2 EB 3 — \$220x10-290/EB-300-10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-perlohi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 28hb. Disember, 1971.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



AMDB MEMPUNYAI ALAT LATEHAN MENEMBAK YANG MODEN



Col. Dato Paduka Rooney melepaskan tembakan rasmi pertama ka-arah alat latehan menembak itu.

BERAKAS. — Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Colonel Dato Paduka B.F.L. Rooney telah menerima dengan rasmi-nya alat latehan menembak yang di-berinama Electro-Mechanical Target Systems Static, Cabel Control Ten Lane dalam satu upacara yang berlangsung di-khemah Berakas pada hari Isnin lepas.

Sistem penembakan sasaran itu telah di-serahkan oleh Awang D.J. Hayes bagi pehak Australian Training Aids Pty. Limited yang telah berada di-sini sa-lama enam minggu untuk memasang alat2 itu.

Antara yang hadir di-upacara penyerahan itu ia-lah Major D. Moore, Timbalan Pemerintah Pasukan Task Force AMDB.



Empat orang terbunuh dalam nahas jalan raya

BANDA RSERI BEGAWAN. — Empat orang telah terbunuh dalam tiga kemalangan jalan raya yang berasingan di-kawasan Brunei/ Muara pada penghujung minggu lalu.

Dalam kemalangan yang pertama, sa-orang kanak2 lelaki yang berumur sembilan tahun, Zaidin bin Mawang telah terbunuh apabila ia terlibat dalam kemalangan dengan sa-buah kereta, dekat Sungai Damuan, di-Jalan Tutong/Brunei, pada hari Sabtu.

Dalam kemalangan yang kedua, Awang Bakar bin Chuchu dan anak perempuan-nya yang berumur 18 tahun, Dayang Salimah telah terbunuh, apabila kereta mereka terlibat dalam pelanggaran dengan sa-buah kereta yang lain, di-Batu 6½, Jalan Berakas pada hari Ahad lepas.

Pada hari itu juga, sa-orang perempuan Melayu, Dayang Amah binte Jumahat, telah terbunuh apabila kereta yang di-pandu-nya terbalek di-Batu Dua, Jalan Gadong.

Pada pagi semalam lima kemalangan jalan raya telah berlaku di-Bandar Seri Begawan.

Kebersehan mesjid

(Dari Muka 1)

Turut beruchap di-majlis itu ia-lah Kadzi Daerah Tutong Awang Haji Ishak bin Adam.

Sa-banyak 12 buah mesjid di-Daerah Tuong telah mengambil bahagian dalam kempen kebersehan itu.

Mesjid Kampong Penanjong telah mendapat tempat pertama dengan markah 76% — Mesjid Kampong Penapar tempat kedua dengan markah 74% dan Mesjid Kampong Layong tempat ketiga dengan markah 66%.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegetua Pegawai Hal Ehwal Uga-ma di-akhir upacara itu.

Kemalangan yang pertama berlaku di-Jalan Kianggeh di-mana sa-buah kereta telah terjunam masuk ka-dalam Sungai Kianggeh.

Kemalangan yang kedua antara tiga buah kereta berlaku di-Jalan Sekolah, ketiga di-Jalan Elizabeth berdekatan dengan jam besar, keempat di-Jalan Berakas dan kelima di-Jalan Stony.

Sementara itu, sa-orang juruchakap pulis meminta penunggang2 basikal supaya memasang lampu merah di-belakang basikal2 mereka.

Juruchakap itu juga meminta pemandu2 kereta supaya berhati2 memandu kereta mereka dalam musim hujan.

Tawaran membuat chawan kenangan

(Dari Muka 1)

ran atau tawaran yang termurah sekali.

Tarikh penutup untuk mene-

Perlumbaan jalan kaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan mengadakan perlumbaan jalan kaki jarak jauh pada pagi hari Ahad 19 Disember bagi mengutip derma untuk tabung Pancharagam "Bugle" maktab itu.

Sa-orang juruchakap jawatan kuasa perlumbaan tersebut berkata bahawa perlumbaan itu ada-lah terbuka kepada peserta2 lelaki dan peserta2 perempuan serta berpasokan2 sa-ramai lima orang bagi tiap2 pasukan.

Beliau berkata bahawa perlumbaan itu akan bermula pada jam 8.00 pagi.

Bayaran untuk persaorangan ia-lah sekurang-nya dua ringgit, manakala bayaran untuk tiap2 pasukan ia-lah sekurang2-nya \$15/- ringgit.

Borang2 untuk memasoki perlumbaan tersebut boleh-lah di-dapati dari sekarang daripada penganjur perlumbaan di-Maktab SOAS, Bandar Seri Begawan.

Kerja2 memasang alat2 itu telah siap dalam minggu lepas dan tembakan rasmi yang pertama telah di-lakukan oleh Pemerintah AMDB, Colonel Dato Paduka Rooney.

Sa-orang juruchakap AMDB menyatakan bahawa sistem penembakan itu ada-lah yang pertama di-Borneo.

Juruchakap itu berkata, buat sementara ini, sistem penembakan sasaran itu hanya akan di-gunakan oleh operator2 sahaja hingga hujung tahun ini dan ia-nya akan di-gunakan oleh semua anggota regiment itu mulai 1hb. Januari, 1972.

Askar Melayu Diraja Brunei sekarang mempunyai sa-orang operator yang terlatih, Sgt. Jamaluddin bin Abdullah yang telah menerima latehan bagi menyelenggarakan alat2 itu di-Australia pada awal tahun ini.

rima tawaran itu ia-lah pada 8hb. Januari, 1972 pada pukul 4.00 petang.

Bayangan rupa-bentuk dan jenis porcelain/china boleh-lah di-lihat di-Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan pada waktu2 bekerja jabatan2 Kerajaan.

Segala tawaran hendak-lah di-sertakan dengan satu lukisan chuntuh mug itu dan di-alamatkan kepada: Setia Usaha Agong, Jawatankuasa Tertinggi, Keberangkatan D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II, d/a. Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pengambilan rekrut2 baru AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan pengambil orang2 baru Askar Melayu Diraja Brunei akan berada di-Dewan Kemasyarakatan di-Bandar Seri Begawan pada 14, 15 dan 16 Disember dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Mereka yang ingin hendak

Pemerintah AMDB, Col. Dato Paduka B.F.L. Rooney sedang menanda-tangani surat perjanjian sa-bagai menandakan penerimaan alat2 tersebut. Di-kiri sedang memerhati ia-lah Awang D.J. Hayes, wakil Sharikat Australian Training Aids Pty. Berhad yang menyelenggarakan pemasangan alat2 tersebut.

Kursus ke-49 City and Guilds di-Sekolah Pertukangan K. B.

KUAL ABELAIT. — Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Kuala Belait akan menganjorkan kursus yang ke-49 City and Guilds of London Institute Telecommunications Technicians mulai awal tahun hadapan.

Sa-bagai langkah pertama, sekolah itu hanya mengambil 12 orang penuntut sahaja bagi mengikuti kursus tersebut.

Pemohon2 yang ingin mengikuti kursus tersebut hendak-lah terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan; dan mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran dengan mendapat kepujian dalam ilmu hisab, sains dan bahasa Inggeris.

Kursus tersebut akan berjalan sa-lama dua tahun.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Pengetua Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kepada Peti Surat 63, Kuala Belait tidak lewat dari 23hb. Disember.

berkhidmat dalam pasukan itu mesti-lah raayat Brunei dan beragama Islam.

Selain dari itu mereka mesti-lah tidak kurang dari 5 kaki tinggi dan berat badan 100 paun, berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan belum kahwin.